

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan:

- (a) status terkini **Skim Rumah Keluarga Nelayan** yang dilaksanakan di Terengganu oleh **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)**; dan
- (b) adakah program tanggungjawab sosial korporat seperti ini masih dilaksanakan oleh Kerajaan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Rumah Keluarga Nelayan merupakan program yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bermula pada tahun 2002 dan telah dijenamakan semula kepada Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) pada tahun 2003. SPNB telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan RMR sebagai satu program tanggungjawab sosial bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan

keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

2. Sehubungan itu juga pelaksanaan program RMR yang berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 700 - 1,000 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air ini sebahagiannya dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan iaitu pada kadar RM20,000 seunit. Manakala baki kos pembinaan di antara RM45,000 hingga RM60,000 dibiayai oleh pemohon sendiri melalui pinjaman yang ditawarkan oleh SPNB. Untuk makluman, sumber dana pinjaman yang ditawarkan ini perlu diperolehi oleh SPNB terlebih dahulu melalui kaedah pinjaman dari mana-mana institusi kewangan. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi tambahan 2% subsidi bagi kadar keuntungan (*interest rate*) yang dikenakan oleh bank bagi meringankan beban bayaran balik bulanan pemilik RMR.

3. Berdasarkan statistik permohonan dari tahun 2002 sehingga 31 Oktober 2019 di negeri Terengganu, sebanyak 12,041 permohonan telah diterima dan dinilai di seluruh negara di mana sebanyak 7,020 permohonan telah diluluskan, 3,794 permohonan telah ditolak dan 1,227 permohonan masih dalam proses penilaian. Daripada jumlah yang telah diluluskan tersebut, 6,564 unit telah disiapkan dan bakinya adalah di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

4. Bagi kawasan di Parlimen Hulu Terengganu pula, sebanyak 763 permohonan telah diterima dari tahun 2002 sehingga 31 Oktober 2019. Daripada jumlah tersebut sebanyak 383 permohonan telah diluluskan, 357 permohonan ditolak disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan dan 23 permohonan masih di dalam senarai proses/dinilai layak. Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, 358 unit rumah telah siap dibina dan bakinya adalah di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Jawapan (b)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini SPNB masih lagi melaksanakan program RMR ini bagi memastikan hasrat rakyat terutama golongan B40 yang ingin memiliki rumah sendiri yang sempurna dan selesa dapat dipenuhi.

Sekian, terima kasih.